

## SIARAN MEDIA

Kuala Lumpur, 17 April 2018

### **Khazanah umumkan pelantikan baharu dan perubahan pada Pasukan Kepimpinan Kanan**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) pada hari ini mengumumkan pelantikan baharu serta perubahan pada Pasukan Kepimpinan Kanannya (“SLT”), seperti berikut:

1. Amran Hafiz Affifudin, Pengarah, Pelaburan dinaikkan pangkat ke Pengarah Eksekutif, Pelaburan, mulai 1 April 2018.
2. Bryan Lim, Pengarah, Pelaburan dinaikkan pangkat ke Pengarah Eksekutif, Pelaburan, mulai 1 April 2018. Beliau meneruskan peranannya sebagai Ketua Pejabat Serantau Khazanah di Beijing. Seperti yang diumumkan sebelum ini<sup>1</sup>, Bryan juga menerajui operasi Khazanah di Asia Utara (meliputi China, Jepun dan Korea). Beliau mengambil alih tugas daripada Datuk Ben Chan, Pengarah Eksekutif, Pelaburan, yang akan meninggalkan Khazanah pada akhir bulan April 2018.
3. Dato’ Charon Mokhzani, Pengarah Eksekutif, Pejabat Pengarah Urusan dan Pengarah Urusan Khazanah Research Institute (“KRI”), akan meninggalkan Khazanah dan KRI pada pertengahan bulan Mei 2018, selepas berkhidmat selama hampir lima tahun.

Pelantikan baharu dan perubahan ini adalah sebahagian daripada inisiatif berkala yang dilaksanakan oleh Khazanah untuk mengukuhkan pasukan pengurusan kanannya, selari dengan amalan penggantian kepimpinan yang berterusan. Pada Disember 2017, Khazanah telah mengumumkan pelantikan Ahmad Zulqarnain Onn dan Tengku Dato’ Sri Azmil Zahrudin Raja Abdul Aziz sebagai Timbalan Pengarah Urusan.

Amran menyertai Khazanah pada tahun 2011 sebagai Naib Presiden Kanan, Pelaburan. Beliau memulakan kerjaya di Petrolia Nasional Berhad (“PETRONAS”) dalam bidang kewangan korporat dan perbendaharaan. Amran seterusnya berkecimpung dalam industri ekuiti persendirian di mana beliau telah menyandang pelbagai tugas dan tanggungjawab di beberapa firma. Amran berkelulusan Sarjana Muda Sains bidang Perdagangan, dengan pengkhususan dalam Perakaunan dan Kewangan daripada McIntire School of Commerce di University of Virginia.

Bryan Lim menyertai Khazanah sebagai Penolong Naib Presiden, Pelaburan pada Disember 2005. Sebelum Khazanah, beliau pernah berkhidmat di Ernst & Young, Rating Agency Malaysia Bhd (“RAM”) dan ECM Libra Securities Sdn Bhd. Bryan memegang Ijazah Sarjana Pentadbiran Perniagaan daripada Program Felo Sloan MIT di Massachusetts Institute of Technology dan Ijazah Sarjana Muda Perdagangan dan Pengurusan daripada Lincoln University, New Zealand. Beliau juga merupakan Penganalisis Kewangan Bertauliah (“CFA”).

---

<sup>1</sup> Rujuk kepada “Khazanah umum pertukaran pada barisan kepimpinan kanannya”, 15 Mac 2018, di [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my)

Pelantikan baharu dan perubahan kepada SLT ini menyokong usaha penginstitutionian yang dilaksanakan secara berterusan dan menjadi salah satu tumpuan utama Khazanah.

## **TAMAT**

*Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila layari [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my) atau hubungi Mohd Raslan Md Sharif di +603 2034 0000, atau emel di [raslan.sharif@khazanah.com.my](mailto:raslan.sharif@khazanah.com.my).*

### **Tentang Khazanah Nasional Berhad**

Khazanah Nasional Berhad (“Khazanah”) adalah dana pelaburan strategik Kerajaan Malaysia yang diamanahkan untuk memegang dan mengurus aset komersial Kerajaan dan melaksanakan pelaburan strategik. Khazanah terlibat dalam pelbagai sektor seperti kuasa, telekomunikasi, institusi kewangan, penjagaan kesihatan, penerbangan, infrastruktur, rekreasi & pelancongan, hartanah, kreatif & media, pendidikan, dan inovasi & teknologi. Beberapa syarikat senaraian awam dalam portfolio pelaburan Khazanah termasuk Telekom Malaysia Bhd, Tenaga Nasional Bhd, CIMB Group, Axiata Group Bhd, IHH Healthcare Bhd, Malaysia Airports Holdings Bhd dan UEM Sunrise Bhd.

Untuk maklumat lanjut mengenai Khazanah, sila lawati [www.khazanah.com.my](http://www.khazanah.com.my).